

TANGGUNGJAWAB MAJIKAN



TANGGUNGJAWAB MAJIKAN

- Daftar Fail E selepas mendaftar Fail C / OG / D atau lain-lain
- Lengkapkan Borang e-E
- Hantar Borang e-E melalui **e-Filing** sebelum / pada **31 Mac**
- Laporan pendapatan pekerja (tunai dan bukan tunai) dalam Penyata Saraan Daripada Penggajian (EA / EC)
- Kemaskini butiran dan alamat pekerja
- Simpan dokumen dan rekod selama 7 tahun bagi tujuan semakan LHDNM
- Potongan Cukai Bulanan (PCB) mesti dipotong daripada saraan pekerja dan diremitkan sebelum / pada 15hb bulan berikutnya (guna e-PCB / e-Data PCB / Kalkulator PCB)
- Laporan pekerja baharu dalam tempoh 30 hari
- Laporan pemberhentian pekerja dalam tempoh sebulan dan tahan bayaran (jika ada) bagi kes :
 - Pekerja akan bersara
 - Pekerja meninggal dunia
 - Pekerja akan meninggalkan Malaysia (jika melebihi 3 bulan)
 - Pekerja tertakluk kepada skim PCB tetapi PCB tidak diremit / dipotong
- Tahan bayaran kepada pekerja (jika ada) sehingga Surat Penyelesaian Cukai dikeluarkan
- Maklum kepada pekerja untuk kemukakan :
 - Borang TP 1 = Tuntutan potongan dan rebat individu (sekurang-kurangnya 2 kali setahun)
 - Borang TP 3 = Maklumat berkaitan penggajian dengan majikan terdahulu dalam tahun semasa

DOKUMEN YANG PERLU UNTUK MEMBAYAR PCB

DALAM TALIAN	KAUNTER BANK	KAUNTER LHDNM
<ul style="list-style-type: none"> • Data CP 39 (.txt)* 	<ul style="list-style-type: none"> • Disket - Data CP 39 (.txt)* • Slip Bank • Cek / Tunai 	<ul style="list-style-type: none"> • Disket - Data CP 39 (.txt)* • Slip pengesahan e-PCB / e-Data PCB • Borang CP39 • Cek / Tunai

*text file

SARAAN PEKERJA YANG TERTAKLUK KEPADA PCB (SEMUA JENIS PENDAPATAN PENGGAJIAN)

Gaji	Upah
Bayaran Lebih Masa	Komisen
Tip	Elaun
Bonus / Insentif	Yuran Pengarah
Perkuisit	Pampasan
Cukai Ditanggung Majikan	Ganjaran
Skim Opsyen Saham Pekerja (SOSP)	Saraan Lain
Manfaat Berupa Barangan (MBB) - Mulai Tahun 2015	
Nilai Tempat Kediaman (NTK) - Mulai Tahun 2015	

SARAAN BULANAN MINIMUM LAYAK PCB (SELEPAS TOLAK KWSP)

INDIVIDU BUJANG	RM 2,851
INDIVIDU BERKAHWIN DAN PASANGAN TIDAK BEKERJA	RM 3,766

Jadual PCB 2015

KESALAHAN MAJIKAN

- Lewat / tidak kemukakan Borang E
- Tidak memberitahu pengambilan pekerja baharu
- Tidak memberitahu pemberhentian / persaraan pekerja
- Tidak menahan wang pekerja yang akan bersara wajib
- Gagal memotong PCB / CP38
- Tidak patuh kaedah PCB / CP38
- Lewat bayar PCB / CP38
- PCB / CP38 yang dipotong tidak diremitkan ke LHDNM

MAKLUMAT UNTUK MEMBAYAR CUKAI

- Nombor Fail Cukai Pendapatan
- Nama dan Alamat Majikan
- Bulan Potongan
- Tahun Potongan
- Nama dan Nombor Kad Pengenalan Pekerja
- Amaun Bayaran
- Kod Bayaran (092 - Bayaran PCB)



www.hasil.gov.my

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

